

Baca petikan di bawah dengan nada dan intonasi yang betul. Kemudian berikan maksud perkataan di bawah .

AKTIVITI

Cari makna perkataan yang berwarna merah dengan merujuk kamus dan glosari.

Barter Ria

Sistem **barter** ialah amalan pertukaran barang tanpa melibatkan **mata wang**. Sistem ini merupakan satu sistem yang paling awal wujud di dunia. Sistem barter diperkenalkan oleh masyarakat Mesopotamia. Sistem ini turut **diterima pakai** oleh bangsa Fenisia yang menukarkan barang-barang yang dimiliki oleh mereka dengan barang-barang penduduk di kawasan bandar. Sebagai contohnya, pada zaman dahulu, garam dianggap sebagai **barangan berharga** sehinggakan tentera Romawi dibayar gaji dengan garam.

Melalui sistem ini, pihak yang terlibat terpaksa membuat pilihan sesama mereka untuk memperoleh **barang perantaraan** yang boleh memberikan manfaat kepada mereka. Dalam sistem barter, barang-barang digunakan sebagai alat perantaraan mengikut suasana dan zaman bagi memenuhi **keperluan** dan **kehendak** seseorang.

Sistem ini tiada kriteria standard bagi menentukan nilai sesuatu **barangan** dan **perkhidmatan** kerana pembeli dan penjual boleh mendapatkan barangan secara langsung tanpa memerlukan peranan **orang tengah**. Semasa berlakunya krisis kewangan, banyak orang menggunakan sistem barter kerana nilai mata wang yang tidak menentu. Rakyat Jerman mempraktikkan sistem barter ketika negara itu mengalami kejatuhan nilai mata wang akibat Perang Dunia Kedua.

Padankan makna bagi perkataan berikut.

Perkataan		Maksud
barter		Benda yang dijual belikan, produk
diterima pakai		Digunakan, dipraktikkan
mata wang		Sesuatu yang diperlukan
barangan berharga		Perihal berkhidmat, bukan bentuk barangan
barang perantaraan		Jenis atau unit mata wang yang digunakan oleh sesuatu negara
keperluan		Keinginan, hajat
kehendak		Benda berharga dan bernilai
barangan		Orang yang menjadi pengantara bagi dua pihak atau lebih
perkhidmatan		Barang yang digunakan sebagai input untuk mengeluarkan barang akhir
orang tengah		Sistem belian tukar barang